



**KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI**

**SIARAN MEDIA**

**KEDUDUKAN PERBELANJAAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI**

Merujuk kepada laporan berita Malaysiakini hari ini yang bertajuk ‘Kementerian Hal Ehwal Ekonomi catat baki peruntukan pembangunan terbanyak’, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi ingin menegaskan bahawa laporan tersebut adalah tidak bertanggungjawab dan cuba mengelirukan rakyat tentang perbelanjaan peruntukan pembangunan untuk tahun 2019.

Prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan Kementerian ini sehingga 19 Disember 2019 adalah sebanyak 99.6%.

Laporan yang disiarkan oleh portal berita berkenaan adalah memetik status pada awal November 2019 dan tidak menggambarkan prestasi sebenar perbelanjaan terkini. Prestasi perbelanjaan sebenar telah jauh meningkat setelah proses pembayaran dapat diselesaikan.

Semua Kementerian telah membelanjakan lebih daripada 90% daripada peruntukan pembangunan bagi tahun 2019. Sehubungan itu, isu baki peruntukan yang tinggi dan tidak dapat dibelanjakan oleh Kementerian bagi tahun 2019 adalah tidak berbangkit.

**Kementerian Hal Ehwal Ekonomi  
19 Disember 2019**